

Gah!

‘Kalbu’ selongkar pengajaran salah guna dadah

Isu utama yang bakal dikupas pementasan daripada pelajar Institut Pengurusan Singapura (SIM) sempena penerbitan tahunan mereka

► **HARYANI ISMAIL**
haryani@sph.com.sg

HINGGA ke hari ini, isu penyalahgunaan dadah kekal sebagai antara teras jalan cerita drama Melayu mahupun naskah teater yang dipentaskan bagi tontonan umum.

Bagi sekumpulan mahasiswa di Institut Pengurusan Singapura (SIM), perihal dadah dan kesannya pada individu dan keluarga masih tetap relevan untuk diselongkar sebagai pengajaran buat penonton mahupun pelakon muda yang menjayakannya.

Lantaran itu, ia menjadi isu pokok dalam pementasan teater bertajuk *Kalbu* yang akan disajikan Persatuan Budaya dan Muslim SIM sempena penerbitan tahunan mereka, ‘Introspeksi’.

Orang ramai boleh menontonnya pada Jumaat dan Sabtu ini.

Keistimewaan pementasan kali ini terletak pada semangat berdikari siswanya yang ingin mementaskan teater yang tetap berkesan di hati penonton sebaik pementasan terdahulu yang digerakkan bersama aktivis teater mapan, Keatar HM.

Mereka sendiri yang mengarah dan menulis naskah pentas itu serta menguruskan sesi uji bakat bagi mendapatkan pelakon di kalangan pelajar SIM atau luar daripada kampus tersebut. Keatar bagaimanapun tetap memberi buah fikirannya sebagai satu unsur galakan buat siswa yang baru berjinak-jinak dalam dunia teater.

Dalam satu interviu di pejabat

Berita Harian baru-baru ini, Encik Mohammad Zahiruddin Amin, 25 tahun, daripada kursus pengurusan logistik dan rantaian bekalan, berkata:

“Mungkin ada yang tertanya-tanya mengapa dadah menjadi topik yang kami bentangkan dalam teater ini. Namun, daripada tinjauan rambang kami, boleh dikatakan kebanyakan orang pernah mengenali seseorang yang pernah mengambil dadah atau masih menyalahgunakannya kerana ketagihan.

“Perihal dadah bukan sahaja masalah orang Melayu tetapi ia juga gejala yang melanda masyarakat lain juga. Walaupun terdapat kempen kesedaran tentang bahaya dadah ini dibuat secara nasional, banyak lagi wadah seperti kesenian dan teater yang boleh dimanfaatkan sebagai wadah perkongsian dan ‘pembedahan’ terhadap isu genting ini.

“Kami ingin tinjau cara memahami apa yang dilalui si penagih termasuk penagih wanita dan kesan pada keluarga mereka. Bagaimana stereotaip terhadap mereka dapat dilenyapkan bertahap-tahap? Apa bentuk bantuan yang boleh diusahakan?”

Encik Akmal Dani Suhaimi, 24 tahun, pula kini beralih tugas sebagai penulis skrip dan tidak lagi berlakon seperti dua pementasan lalu.

Tujuannya adalah bagi meneroka sesuatu yang baru termasuk memanfaatkan kebebasan kreatif bagi mengolah kisah masyarakat yang mem-



BERDIKARI DEMI PAPAR ISU MASYARAKAT: Kumpulan mahasiswa dari Persatuan Budaya dan Muslim SIM, (*berdiri dari kiri*) Cik Nadiah Hanan Mohd Jailani dan Cik Nuruljannah Abdul Razak serta (*duduk dari kiri*) Encik Mohammad Zahiruddin Amin, Encik Akmal Dani Suhaimi dan Encik Muhammad Durrani Mohd Azman memimpin projek teater ‘Introspeksi’ sendiri berbanding tahun sudah di mana khidmat aktivis teater digunakan. Mereka mementaskan teater mengenai penyalahgunaan dadah dengan menggunakan watak wanita sebagai watak utama. – Foto BH oleh HARYANI ISMAIL

“Perihal dadah bukan sahaja masalah orang Melayu tetapi ia juga gejala yang melanda masyarakat lain juga. Walaupun terdapat kempen kesedaran tentang bahaya dadah ini dibuat secara nasional, banyak lagi wadah seperti kesenian dan teater yang boleh dimanfaatkan sebagai wadah perkongsian dan ‘pembedahan’ terhadap isu genting ini.”

– Encik Mohammad Zahiruddin Amin.

buka mata.

“Biasanya, seorang pelakon hanya perlu fokus pada watak yang diberi kepadanya tetapi selaku penulis skrip, saya perlu tahu kisah di sebalik sesetengah watak, apa latar belakang mereka dan mengapa tindak-tanduk mereka membawa pada respons tertentu.

“Namun, saya senang proses kreatif ini meskipun perlu korbankan waktu tidur bagi menjalankan pel-

bagai kajian, mendapatkan idea segar dan menganalisis jalan cerita,” tambahnya lagi.

Cik Nuruljannah Abdul Razak, 23 tahun, sebagai pengarah projek dan pengarah teater, pula memang meminati bidang teater dan ingin mempelajari selok-belok menjana karya yang baik agar berkesan di hati penonton.

“Apabila saya diberi peranan sebagai pengarah, saya terfikir menga-

pa tidak saya beranikan diri mencubanya? Setelah diberi bimbingan oleh Abang Keatar untuk memperbaiki teknik lakonan saya tahun lalu, saya gembira dapat menerapkan tunjuk ajarinya dalam memimpin penerbitan tahun ini.

“Saya tinjau caranya bekerja meskipun saya akui ini amanah besar yang menggerunkan tetapi pada masa sama, memaksa saya keluar daripada zon selesa bagi selami bakat baru dalam bidang arahan teater pula,” ujarnya lagi.

Encik Muhammad Durrani Mohd Azman, 22 tahun, daripada kursus perhubungan antarabangsa pula berkata mereka mengambil keputusan memimpin projek itu sendiri kerana ingin mencabar diri mereka melakukan sesuatu yang tidak pernah dilakukan demi mengumpulkan pengalaman baru.

“Antara cabaran yang kami hadapi dalam membentangkan kisah penyalahgunaan dadah dan kemaafan ini adalah memastikan fakta yang dikongsi tentang isu sosial ini tepat dan tidak menyinggung perasaan sesiapa. Kerana itu, kekata ‘kalbu’ itu

digunakan bagi menggambarkan keikhlasan hati dan nawaitu melakukan sesuatu.

“Kami juga mendapatkan pandangan aktivis gerakan *Dadah Itu Haram* bagi mendapatkan nasihat mereka tentang impak penyalahgunaan dadah ke atas masyarakat,” jelasnya.

Antara muka baru bagi projek *Introspeksi* ini adalah Cik Nadiah Hanan Mohd Jailani, 23 tahun, selaku pelakon watak ‘Zaleha’, seorang isteri yang bersuamikan penagih dadah.

“Saya melihat betapa menariknya ‘Introspeksi’ apabila menontonnya sebelum ini. Dengan gagasan sosial yang dibawa, ia menjadikan pengalaman saya sebagai pelakon lebih bermakna dalam menyampaikan pesan yang diharapkan dapat dihadam penonton,” katanya.

► *Kirinkan pesanan WhatsApp ke talian 8619-1230 bagi membeli tiket \$18 untuk menonton ‘Kalbu’ pada 8 malam, Blok D, SIM, Teater Seni Pementasan, Jumaat dan Sabtu ini.*